

# Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

# **Kuasa membeli**

# **perlu ditingkat**

KUALA LUMPUR. Selasa -- Pertumbuhan ekonomi negara boleh ditingkatkan jika rakyat memiliki 'kuasa membeli' yang dapat memajukan pasaran barang-barang buatan tempatan, di samping mengawal kos perkhidmatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kuasa itu dapat dimiliki jika rakyat memperolehi pendapatan yang baik hasil kegiatan meningkatkan pengeluaran dan mutu kerja.

Berucap merasmikan perayaan 55 tahun Perkhidmatan Awam di sini, hari ini, beliau berkata, jika tuntutan dibuat untuk kenaikan gaji, sedangkan produktiviti tidak bertambah, barang-barang keluaran negara tidak akan mampu bersaing di pasaran.

"Ini akan menyebabkan semua pihak menanggung kerugian, kerana kemerosotan ekonomi bermakna gaji tidak akan naik dan pengangguran bertambah," katanya.

Menurutnya, walaupun kekayaan negara perlu diagihkan secara adil, kerajaan harus terlebih dahulu menentukan kedudukan hasil dan kewangannya meningkat se-

belum ia diagihkan, sama ada dalam bentuk kemudahan infrastruktur atau ban tuan lain.

Kerana itu, katanya, perkhidmatan awam bertanggungjawab menjayakan perniagaan besar dan kecil demi mengukuhkan kewangan kerajaan.

"Semua rakyat yang ingin berusaha mencari kekayaan tidak patut diganggu, sebaliknya dibantu oleh pentadbiran.

## **Cukai**

"Hanya apabila rakyat daripada semua lapisan kaum berjaya meningkatkan pendapatan mereka, barulah kerajaan mendapat hasil untuk diagihkan, misalnya daripada cukai yang dikutip," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi hasrat kerajaan agar semua pekerja kerajaan dan bukan kerajaan mendapat pendapatan lebih kerana pendapatan lebih berserta pengeluaran yang meningkat, tidak akan menyebabkan kos perkhidmatan atau harga barang meningkat.

Perdana Menteri menjelaskan, dasar pengswastaan dan Persyarikatan Malaysia bertujuan meningkatkan ekonomi negara melalui penyertaan semua pihak, termasuk sektor awam dan swasta.

"Pemahaman pegawai kerajaan peringkat pertengahan mengenai dua dasar ini masih kabur, menyebabkan wujudnya masalah ketika pihak swasta berurusan dengan mereka. Ini perlu diatasi," katanya.

Di samping itu, perkhidmatan awam perlu diperkemaskan perkhidmatan kaunter kerana di situlah wujudnya sebahagian besar hubungan di antara orang ramai dan kerajaan.

Keadaan fizikal dan kebersihan pejabat, katanya, hendaklah sentiasa dijaga untuk mencerminkan satu imej yang baik di mata rakyat.

Beliau menekankan, dalam menghadapi cabaran abad ke-21, kakitangan kerajaan harus mempunyai pandangan jauh dan dapat merancang strategi pembangunan yang berkesan.